

TOPENG MULUT & HIDUNG

LARANG EKSPORT

Kerajaan gesa pengilang utamakan penggunaan tempatan



Oleh Mohd Roji Kawi
am@hmetro.com.my

Kuching

Kerajaan dijangka melarang pengilang topeng mulut dan hidung mengeksport barangan berkenaan sebaliknya menggesa mereka mengutamakan pengeluaran untuk keperluan dalam negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, langkah itu diteliti berikutan permintaan tempatan

semakin meningkat berikutan penularan wabak Covid-19.

Selain itu, katanya, langkah berkenaan juga dicadangkan berikutan kesukaran mendapatkan material bagi menghasilkan topeng

mulut dan hidung.

"Material untuk menghasilkan topeng berkenaan tidak diperolehi di negara kita, sebaliknya ia perlu diimport dari China dan beberapa negara Eropah.

"Kini ia semakin sukar diperolehi berikutan permintaan topeng mulut dan hidung yang meningkat di

seluruh dunia," katanya selepas melakukan tinjauan di pasar raya di pusat beli-belah The Spring di sini, semalam.

Nanta berkata, ketika ini ada empat pengilang menghasilkan produk topeng mulut dan hidung di negara ini.

"Kami mahu mereka meningkatkan pengeluaran dan memberi tumpuan untuk bekalan keperluan tempatan.

"Topeng mulut dan hidung diperlukan di seluruh dunia ketika ini namun pengilang harus mengutamakan penggunaan tempatan," katanya.

Selain itu, beliau turut menggesa peniaga dan pembekal supaya tidak menjual topeng berkenaan dalam kuantiti yang banyak kepada orang perseorangan.



Langkah diteliti berikutan permintaan tempatan yang semakin meningkat berikutan penularan wabak Covid-19"

Alexander Nanta Linggi